

Kolam takungan tidak dipantau punca air melimpah

SUBANG JAYA -

Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) serta Jabatan Perparitan dan Saliran (JPS) Petaling didakwa kurang melakukan pemantauan terhadap kolam takungan air yang disyarat dibina oleh pemaju hingga menyebabkan banjir mudah berlaku.

Ketua Pusat Khidmat dan Penyelaras Kawasan

Parlimen Serdang, Datuk Yap Pian Hon berkata, pihak berkenaan gagal memastikan kolam takungan air diselenggara dan dinaik taraf pemaju dalam keadaan terkawal.

Ia katanya, disyaki menjadi punca berlaku tiga kali limpahan air di sebahagian Lebuhraya Sungai Besi berhampiran Stesen Komuter Serdang dalam tahun ini.

Pian Hon ketika sesi perbincangan isu banjir bersama wakil syarikat konsesi lebuhraya berkata, pertemuan itu diadakan selepas beliau menghantar surat kepada syarikat konsesi dan Lembaga Lebuhraya Malaysia



MPSJ dan JPS diminta memantau sistem perparitan dan kolam takungan dibina pemaju untuk mengelakkan banjir berulang di Lebuhraya Sungai Besi.

(LLM).

Menerusi perbincangan, pihaknya mengenal pasti sistem perparitan JPS dan kolam takungan air pemaju disyaki menjadi punca utama bencana berlaku.

“Saya gesa MPSJ dan JPS Petaling sia-sat segera kedudukan kolam yang diluluskan untuk mengenal pasti punca banjir dengan mengambil tindakan segera untuk mengatasinya.

“Kejadian banjir menyusahkan pengguna yang terperangkap beberapa jam bila laluan lebuhraya dinaiki air,” katanya.